TABUNG HAJI MELABUR $336.6 JUTA

TABUNG Haji telah melabur sejumlah $336.6 juta, ujar Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Badawi.

Beliau yang menjawab soalan Haji Mohd Zain bin Abdullah (Hamim-Bachok) di Dewan Rakyat semalam berkata, jumlah itu dikeluarkan bagi membeli saham dalam syarikat-syarikat perusahaan dan perdagangan dalam negeri.

Pelaburan itu dianggap ekonomik bagi seluruh negara dan membina bangunan-bangunan untuk pejabat dan perniagaan, jelas beliau.

Menurut Datuk Abdullah, pelaburan juga dibuat dengan mendapatkan tanah di seluruh negara untuk tanaman kelapa sawit, getah dan koko.

Hasil daripada pelaburan itu akan diberikan kepada penyimpan, penyimpan wang dalam Tabung Haji.

Sebagai contoh dalam tahun 1981 keuntungannya menurut kadar 9 peratus jumlah simpanan dibayar kepada mereka, ujar beliau.

Zakat perniagaan bagi pihak penyimpan juga dibayar oleh Tabung haji.

Bayaran keuntungan seperti ini, tambahnya, dapat membantu perbelanjaan penyimpan untuk menunaikan fardu haji dan juga untuk tujuan lain.

Datuk Abdullah

Sementara itu beliau juga menyatakan bahawa kerajaan menganggap saranan Raja Al-Malik Fahd bagi membuka pintu ijtihad sebagai satu saranan yang patut diberi pertimbangan yang halus dan mendalam.

Datuk Abdullah berkata, kerajaan telah pun menghantar wakil ke Persidangan Akademi Rekah Islam Sedunia yang berlangsung di Jedah bulan lalu.

Menjawab soalan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (BN-Tumpat), beliau juga menjelaskan kerajaan sedang menunggu laporan sepenuhnya mengenai persidangan itu.

Akademi Fekah Islam dianggotai oleh para ulama, cerdik pandai agama dan sarjana Islam yang terdiri dari negara-negara Islam sedunia. Mereka itu pakar dalam berbagai bidang seperti kebudayaan, sains, teknologi, sosial dan ekonomi.

Encik Dusuki

Persidangan itu akan mengkaji dan menyediakan jawapan kepada persoalan isu-isu semasa masyarakat Islam kini, tambah beliau.

Dalam soalan tambahan daripada wakil rakyat mengenai kemungkinan Malaysia menubuhkan satu barisan jemaah ke arah penerapan nilai-nilai Islam, beliau berkata, negara sudah pun mempunyai barisan jemaah yang dapat berunding mengenai isu itu.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Semua kira2 wang negara disiapkan ikut jadual

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menolak dakwaan bahawa kira-kira wang negara tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan tidak dilengkapkan dengan perangkaan terbaru.

Perdana Menteri berkata, semua kira-kira wang negara disiapkan dalam jangka masa enam bulan yang ditetapkan dan mengandungi perangkaan terbaru.

"Saya ingin menjelaskan di sini bahawa semua kira-kira wang negara disiapkan mengikut jadual.

Ganti

"Prestasi ini akan ditingkatkan lagi di masa depan," katanya semasa menggulung perbahasan mengenai usul perlantikan pengerusi baru bagi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) di Dewan Rakyat semalam.

Anggota BN Batu Pahat, Encik Daud Haji Taha dilantik menjadi pengerusi baru PAC menggantikan tempat anggota BN Alor Setar, Encik Oo Gin Sun Yang dilantik menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Anggota BN Kinta, Encik Lim Liang Seng dilantik menjadi naib pengerusinya.

Perlantikan ini bagi baki tempoh parlimen keenam.

Perdana Menteri juga menegur ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang kerana membuat tanggapan yang tidak benar mengenai tugas PAC.

Katanya, falsafah PAC tidak perlu dipinda kerana ia dapat berfungsi dengan sempurna.

Anggota dari Kota Melaka itu juga nampaknya lebih banyak menumpukan tentang masalah Bumiputera Malaysia Finance (BMF) ketika membahaskan usul ini.

Jika ahli yang berhormat itu ingin membahaskan perkara BMG, beliau bolehlah membentangkan satu usul lain dan bukannya menggunakan kesempatan ini untuk berbuat demikian, jelasnya.

Disambut tepukan gemuruh penyokong-penyokong kerajaan, Speaker Datuk Mohd Zahir Ismail juga menolak usul Encik Lim untuk meminda usul Perdana Menteri supaya PAC menyiasat isu BMF di Hong Kong dan melaporkannya kepada Dewan.

Kedudukan ekonomi diperkukuh

Kita peroleh lebihan dagang $64.1j tahun ini

Datuk Dr Ling

Dr Tan Tiong Hong

MALAYSIA memperolehi lebihan dagang sebanyak $64.1 juta bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini berbanding dengan kekurangan sebanyak $359.7 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu, demikian Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ling Liong Sik memberitahu anggota BN Lambir, Dr George Chan Hong Nam semasa soal jawab, eksport bagi lima bulan pertama tahun ini meningkat kepada $12,306.4 juta iaitu dengan kadar tahunan sebanyak 10.2 peratus.

Manakala import pula bertambah hanya 6.2 peratus yang bernilai $12,242.3 juta.

Sekiranya arah aliran ini berterusan, Malaysia akan memperolehi lebihan dagangan bagi tahun ini dan seterusnya imbangan pembayaran Malaysia akan bertambah baik, katanya.

Jika ini berlaku, nilai ringgit akan menjadi lebih kukuh, katanya lagi.

Menjamin kekuatan

Menurutnya kerajaan akan terus mengawasi dengan teliti kedudukan ekonomi Malaysia dan, jika perlu akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara yang mana akan menjamin juga kekuatan dan ketahanan wang ringgit negara kita.

Datuk Dr Ling menjelaskan cadangan antarabangsa Malaysia ialah $7,403.9 juta pada akhir tahun 1978 dan $10,109 juta pada akhir bulan Jun 1983.

Ini ialah tambahan sebanyak $2,705.1 juta.

Kerajaan, katanya, akan terus mengekalkan cadangan antarabangsa Malaysia pada tahap yang sesuai supaya keyakinan terhadap pengurusan ekonomi kita terus dapat ditingkatkan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperkuatkan lagi ekonomi kita supaya nilai ringgit terus kukuh.

Dalam belanjawan yang baru lalu misalnya, kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan imbangan pembayaran negara kita, tambahnya.

Elaun guru2 kelas bahasa ibunda dikaji semula

KEMENTERIAN Pelajaran akan mengkaji semula kadar elaun guru-guru kelas bahasa ibunda di sekolah rendah kebangsaan dan menengah kebangsaan apabila keadaan ekonomi pulih.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong berkata, pengurangan kadar elaun itu terpaksa dilakukan kerana keadaan ekonomi yang meleset.

Beliau menafikan terdapatnya kesan-kesan buruk yang timbul disebabkan pengurangan itu.

Menurutnya ramai di antara guru-guru bahasa itu menujukkan kerelaan dan simpati terhadap masalah yang dihadapi oleh negara.

Menjawab soalan Encik Ng Cheng Kui (BN-Lumut) di Dewan Rakyat semalam, beliau berkata Kementerian Pelajaran juga akan menentukan lebih ramai guru terlatih mengajar Bahasa Cina dan Tamil.

Setakat ini terdapat 4,349 orang guru yang megajar kedua-dua bahasa itu.

Ramai

Daripada jumlah itu, 2,248 adalah guru sambilan dan 168 darinya tidak sanggup menyambungkan tugas mereka, jelas beliau.

Sambil mengangap jumlah itu sebagai kecil dan perkara yang memang berlaku pada masa lalu, Dr Tan berkata, masalah itu telah dapat diatasi dengan menggantikan tempat-tempat mereka guru-guru yang terlatih serta layak mengajar.

Kementeriannya juga telah mengambil langkah untuk memastikan semua kelas Bahasa Cina dan Tamil dapat dijalankan dengan teratur dan akan diteruskan sehingga akhir tahun ini.

Menurutnya kelas kedua-dua bahasa itu juga akan diteruskan di dalam jadual waktu sekolah bila keadaan mengizinkan.

Mengenai perutusan kewangan di kelas-kelas itu, beliau memberitahu Dewan Rakyat, bagi tahun 1980 sebanyak $11.1 juta telah diluluskan.

Untuk tahun 1981 sebanyak $14.6 juta, tahun 1982 $18.3 juta dan bagi tahun ini $5 juta sahaja, tambah beliau.

Kuasa besar akan diminta hormati prinsip Zopfan

Encik Anwar

Peraduan Ratu Cantik: Tak pernah disokong — Anwar

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim menjelaskan kementeriannya tidak pernah menggalakkan atau menyokong kegiatan mengadakan peraduan ratu cantik di negara ini.

Dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan anggota Pas Pengkalan Chepa, Haji Nik Aziz Nik Mat di Dewan Rakyat semalam, beliau berkata, kegiatan-kegiatan ini dijalankan atas usaha persendirian organisasi swasta dan tidak ada kaitan langsung dengan bidang kuasa kementeriannya.

"Kementerian saya sentiasa mendorong pembangunan nilai-nilai yang baik dalam kebudayaan.

Cerdik

"Tetapi usaha ini memerlukan masa bagi merangkumi semua bidang kehidupan rakyat," tambahnya.

Sementara itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) masih belum menetapkan pakaian yang sesuai untuk wanita bersukan.

Menjawab soalan bertulis daripada Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pas-Pengkalan Chepa) di Dewan Rakyat semalam, Menteri KKBS, Encik Anwar Ibrahim berkata, kementerianya juga tidak ada cadangan untuk mengharamkan langsung penyataan wanita di bidang sukan.

Encik Kadir Sheikh Fadzir

MALAYSIA akan menekankan perlunya kuasa-kuasa besar termasuk Soviet Union supaya menerima dan menghormati prinsip kawasan aman, bebas dan berkecuali (Zopfan) yang didukung oleh Asean di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-38 di New York bulan September ini.

Timbalan Menteri Luar, Encik Kadir Sheikh Fadzir berkata perkara ini akan diberi perhatian utama oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam selaku ketua rombongan negara dalam ucapannya di perhimpunan agung badan dunia itu.

Datuk Musa juga akan menekankan bahawa negara-negara anggota Asean benar-benar berhasrat untuk mengelakkan rantau mereka ini dijadikan kancah persaingan politik kuasa-kuasa besar.

Dalam hubungan ini beliau juga akan cuba meyakinkan kuasa-kuasa besar termasuk Soviet Union bahawa dari segi

Datuk Taib Mahmud

Sifatkan krisis Snap 'telah selesai'

ANGGOTA BN Bintulu, Encik Ting Ling Kiew semalam menggesa ahli-ahli Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) supaya mensifatkan krisis parti itu 'sebagai telah selesai' berikutan dengan perjetakan jawatan wakil-wakil Dayak dari Snap baru-baru ini.

Menurutnya, ahli-ahli Snap hendaklah menghormati keputusan yang dibuat oleh wakil-wakil itu untuk keluar dari Snap.

"Kita hendaklah memberanikan mereka menuruskan perjuangan politik mereka di bawah pimpinan pemimpin kita di peringkat negeri, Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud.

"Kita yang masih kekal di dalam Snap hendaklah memperkukuhkan lagi kedudukan parti dan memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri dan Ketua Menteri bagi faedah rakyat yang kita wakili di dalam kerajaan Barisan Nasional," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Krisis Snap bermula ekoran dari penyingkiran Encik Daniel Tajem dari parti itu kerana sebab-sebab disiplin dan ia memuncak bila beberapa orang ahli parlimen dan ahli dewan negeri Snap dari keturunan Dayak keluar beramai-ramai dari parti itu.

Encik Tajem ialah Timbalan Ketualan Menteri Sarawak.

Dewan tolak usul ketua pembangkang

DEWAN Rakyat semalam menolak usul persendirian ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang supaya Dewan ditanggguhkan bagi membincangkan laporan mengenai apa yang dikatakan penindasan terhadap pekerja-pekerja ladang Felda di Selancar Empat.

Speaker Datuk Mohd Zahir Ismail ketika menolak usul itu menjelaskan beliau memutuskan ia tidak perlu dibincangkan dengan serta-merta di Dewan.

Usul Encik Lim itu berbunyi: "Bahawa majlis mesyuarat ini mengutuk eksploitasi pekerja-pekerja kontrak dan pemegang-pemegang kad pengenalan merah di ladang Felda Selancar Empat di mana para pekerja telah tertakluk kepada pengurungan yang tidak sah, penahanan haram, perhambaan buruh, kekerasan jenayah dan penafihan gaji selama empat tahun.

"Ia melahirkan pandangan berat bahawa walaupun wujudnya berbagai-bagai undang-undang, peraturan-peraturan dan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Buruh, Polis dan Felda yang kesemuanya bertujuan melindungi kepentingan para pekerja, namun eksploitasi seumpama itu yang mengingatkan kita akan zaman perhambaan di mana manusia dilayan dengan lebih buruk daripada binatang masih boleh berlaku di Malaysia dengan begitu dahsyat rupa.

"Mengarah semua kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan berkenaan menjalankan satu semakan seluruh negara ke atas semua ladang Felda dan estet-estet serta mengambil segala tindakan serta-merta yang perlu untuk menghapuskan penyalahgunaan buruh kontrak seumpama itu seperti yang belaku di Selancar Empat, dan

"Selanjutnya Menteri Buruh membentangkan satu laporan di dalam Dewan ini".



Datin Rafidah

Elakkan

Mengenai kenyataan Timbalan Menteri Luar Soviet Union beliau berkata rakyat Malaysia khasnya kaum belianya, telah pun menyatakan pendirian negara pada keseluruhannya dengan begitu tegas sekali.

Adalah dirasakan pihak Soviet Union harus mengambil kira perasaan ini jika ia benar-benar mahu mewujudkan hubungan baik dengan negara kita, katanya.

Kepada pertanyaan tambahan anggota BN Pasir Puteh, Wan Najib Wan Mohamad, Encik Kadir menjelaskan kerajaan tidak bertujuan menghukum Soviet Union tetapi ingin menyedarkan negara berkenaan mengenai pentingnya mengadakan hubungan baik dengan Malaysia.

Ini, jelasnya adalah bagi kebaikan dan faedah negara itu sendiri.

Rafidah berhasrat firma B-putera/Uda kerjasama

MENTERI Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz berkata, kajian sedang dijalankan untuk mencari cara-cara baru dalam perlaksanaan pelbagai projek oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda).

Menjawab pertanyaan anggota BN Setapak, Encik Mohd Idris Basri semasa soal jawab di Dewan Rakyat semalam, beliau berkata adalah menjadi hasrat kementeriannya melibatkan pihak swasta terutamanya syarikat-syarikat Bumiputera bekerjasama dengan Uda.

Kajian yang sedang dijalankan sekarang ini meliputi skop dan bidang kerjasama serta cara-cara perlaksanaan projek-projek untuk memboleh kan pihak swasta mengambil alih sebahagian daripada projek-projek Uda.

Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk menswastakan beberapa aktiviti yang kini sedang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, katanya.

PUNGUTAN HASIL JUDI MENINGKAT $318 JUTA

DEWAN Rakyat diberitahu semalam, pungutan hasil tahunan dari kegiatan perjudian meningkat kepada $318 juta tahun lalu berbanding $290 juta dalam tahun 1981.

Timbalan Menteri Kewangan, Encik Sabaruddin Chik berkata, pungutan hasil dalam tahun 1978 berjumlah $248 juta manakala hasil dalam tahun 1979 pula berjumlah $193 juta.

Menjawab soalan Encik Thomas Salang Siden (Bebas-Julau), beliau menjelaskan kerajaan setakat ini tidak bercadang mengharamkan kegiatan judi di negara ini.

Tetapi, jelasnya, kerajaan sentiasa mengambil langkah bagi mempastikan kegiatan judi tidak menjejaskan pembangunan rohaniah seimbang dengan perkembangan nilai-nilai Islam.